

For immediate release

PRESS STATEMENT

IDEAS: One year on, stronger efforts needed to carry out political and economic reforms to weather more challenging global landscape

Kuala Lumpur, 27 November 2023: After one year in office, the Institute for Democracy and Economic Affairs' (IDEAS) assessment of the Madani government's performance is mixed. Some positive commitments on crucial institutional reforms have been carried out, while backtracking of promises have occurred. On the economic front, while measures towards subsidy rationalisation and trade reforms have taken place, which are key towards boosting economic growth, the focus must be on broadening these measures, with concerns in implementation and limited capacity building efforts on the ground.

To its credit, the government has made some progress in institutional reforms during its first year in office such as the passing of the Public Finance and Fiscal Responsibility Act, the introduction of Prime Minister Question Time (PMQ) in Parliament, as well as a greater role of Parliamentary Special Select Committees in obtaining input from civil society organisations (CSOs) and government agencies. Reforms that are in the pipeline include the separation of the offices of the Attorney General and Public Prosecutor, the Political Financing Act, enactment of the Government Procurement Act, Freedom of Information Act and Ombudsman Act, amendments to the Whistleblower Protection Act, and reintroducing the Parliamentary Services Act. In fact, the government has put timelines to some of these reform agendas: the Political Financing Act is expected to be passed by the end of 2025, while the Government Procurement Act will be tabled by mid 2024. Clear timelines for the other reforms should also be announced.

"However, we are concerned that the government has backtracked on several reforms that it has promised to the people. A glaring example is the stalled reforms for equitable Constituency Development Funds (CDF). We [reiterate our call](#) for the Prime Minister to codify the equitable, transparent and accountable allocation of CDF to all Members of Parliament regardless of political parties or affiliations. Institutionalising CDF distribution through law will take time; we suggest the government initiate a Memorandum of Understanding (MOU) with the opposition that will guarantee equitable allocations in return for stability. We strongly believe this is imperative, as the switching of support in return for CDF allocations, albeit within limitations of the Anti-Hopping Law, means that the trading of money for political support continues to prevail. Moreover, withholding allocations is an affront to the reformist ideals espoused by the Prime Minister," comments Dr Tricia Yeoh, CEO of IDEAS.

On economic reforms, in the past year, several incremental measures in subsidy rationalisation, including discontinuing subsidies for chicken and eggs, lifting electricity subsidies for high-income households, and implementing a targeted approach to diesel subsidies have taken place. Recognising subsidy rationalisation as an important structural reform is a positive indication of the government's commitment to bolstering economic resilience and broadening the nation's revenue base.

However, there is room for improvement by broadening the rationalisation mechanism particularly in addressing leakages and ensuring a balanced impact, especially for lower-income segments. "Additionally, to expand the Government's revenue in the medium term sustainably, the reintroduction of the GST needs to be revisited. The World Bank's economist highlighted that in 2017, [GST contributed to about 2.8% of the GDP](#). In 2022, that amount would be equivalent to RM 50 billion ringgit, superseding the collection of SST in 2022, which amounted to RM31 billion."

"When the revenue base is expanded, public expenditure can be done effectively to strengthen investment on public goods like infrastructure and social protection," emphasised Dr Juita Mohamad, Director of Economics and Business Unit.

"On trade reforms, both the RCEP and the CPTPP have continued to be enforced - no U-turns in decisions were made, while the ASEAN - China Free Trade Agreement (FTA) negotiations to include more areas of commitments like environment protection and e-commerce have started. However, we would like to see the EU-Malaysia FTA restart negotiations as well. Nevertheless, more needs to be done in terms of implementation and capacity building to ensure that local players can benefit from increased market access. Furthermore, better transparency is needed on the reporting of proposed vs. real investments to the public, industry players and regulators, as this will minimise information asymmetry and can improve investment efficiency in the long run," Dr Juita adds.

2024 will present greater challenges to Malaysia, as we grapple with the likelihood of major changes on the global stage as Indonesia, India and the United States - the world's largest democracies - go for elections. The prospect of an escalating conflict in the Middle East, and the ongoing US-China trade war also does not bode well. Malaysia must be prepared by strengthening the resilience of our democracy, economy and investment climate.

--- END ---

For enquiries, please contact:

Aira Azhari

Senior Manager

aira@ideas.org.my

About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia's first independent think tank, free of personal interests and partisan influences. For more information, visit www.ideas.org.my.

Untuk siaran segera

KENYATAAN MEDIA

IDEAS: Selepas setahun, perlu usaha yang lebih giat untuk laksana pembaharuan politik dan ekonomi untuk harungi landskap global yang lebih mencabar

Kuala Lumpur, 27 November 2023: Selepas setahun berkhidmat, penilaian Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) terhadap prestasi kerajaan Madani adalah bercampur aduk. Beberapa komitmen positif terhadap reformasi institusi penting telah dilaksanakan, sementara beberapa janji tidak dilaksanakan. Dari segi ekonomi, walaupun langkah-langkah ke arah rasionalisasi subsidi dan reformasi perdagangan telah dilakukan, yang merupakan kunci ke arah merangsang pertumbuhan ekonomi, tumpuan perlu diberikan untuk meluaskan langkah-langkah ini, dengan pertimbangan dalam pelaksanaan dan usaha pembangunan kapasiti yang terhad di lapangan.

Bagi mengiktiraf usaha kerajaan, terdapat kemajuan yang dicapai dalam reformasi institusi semasa tahun pertama pentadbiran, seperti penggubalan Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal (PFFR), pengenalan Sesi Soal Jawab Perdana Menteri (PMQ) di Parlimen, dan peranan yang lebih besar Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (JKPK) dalam mendapatkan maklum balas daripada organisasi masyarakat sivil (CSO) dan agensi kerajaan. Reformasi yang sedang dirancang termasuk pemisahan jabatan Peguam Negara dan Pendakwa Raya, Akta Pendanaan Politik (PFA), penggubalan Akta Perolehan Kerajaan, Akta Kebebasan Maklumat dan Akta Ombudsman, pindaan kepada Akta Perlindungan Pemberi Maklumat, serta pengenalan semula Akta Perkhidmatan Parlimen (PSA). Malah, kerajaan telah menetapkan jangka masa untuk beberapa agenda reformasi

ini: Akta Pendanaan Politik dijangka diluluskan menjelang akhir tahun 2025, sementara Akta Perolehan Kerajaan akan dibentangkan pertengahan tahun hadapan. Kerajaan juga perlu mengumumkan garis masa yang jelas untuk usaha pembaharuan lain.

"Bagaimanapun, tindakan kerajaan yang tidak melaksanakan beberapa reformasi yang dijanjikan kepada rakyat menggusarkan kami. Satu contoh yang ketara adalah terhentinya usaha reformasi untuk Peruntukan Pembangunan Kawasan (CDF) yang saksama. IDEAS mengulangi [seruan kami](#) kepada Perdana Menteri untuk menetapkan pembahagian peruntukan CDF yang telus, saksama, dan bertanggungjawab kepada semua Ahli Parlimen tanpa mengira parti politik dan gabungan. Menginstitusikan pengagihan CDF melalui undang-undang akan memakan masa; kami mencadangkan agar kerajaan memulakan satu Memorandum Persefahaman (MOU) dengan pihak pembangkang yang akan menjamin peruntukan yang saksama sebagai pertukaran untuk kestabilan politik. Kami percaya bahawa hal ini adalah suatu keperluan, kerana menjadikan sokongan sebagai imbalan kepada peruntukan CDF, walaupun masih dalam batasan Undang-Undang Anti-Lompat Parti, bermakna pertukaran wang sebagai galang ganti kepada sokongan politik masih berlaku. Selain itu, mengekang peruntukan adalah satu penentangan terhadap cita-cita reformis yang didokong oleh Perdana Menteri," ulas Dr Tricia Yeoh, Ketua Eksekutif IDEAS.

Dalam reformasi ekonomi, dalam setahun yang lepas, beberapa langkah bertahap dalam rasionalisasi subsidi, termasuk penghentian subsidi untuk ayam dan telur, penghapusan subsidi elektrik bagi isi rumah berpendapatan tinggi, dan pelaksanaan pendekatan bertumpu untuk subsidi diesel telah dilaksanakan. Menyedari bahawa rasionalisasi subsidi sebagai suatu reformasi struktural yang penting adalah petunjuk positif terhadap komitmen kerajaan untuk memperkuat ketahanan ekonomi dan memperluas sumber pendapatan negara.

Walaubagaimanapun, terdapat ruang untuk penambahbaikan dengan meluaskan mekanisme rasionalisasi terutamanya dalam menangani ketirisan dan memastikan impak yang seimbang, terutamanya untuk segmen berpendapatan rendah. "Selain itu, untuk menambah hasil kerajaan secara mampan dalam jangka sederhana, pengenalan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) perlu dikaji semula. Ahli ekonomi Bank Dunia menekankan bahawa pada [tahun 2017, GST menyumbang kira-kira 2.8% kepada KDNK](#). Pada tahun 2022, jumlah itu akan bersamaan dengan RM50 bilion ringgit, mengatasi kutipan SST pada tahun 2022, yang berjumlah RM31 bilion."

"Apabila sumber pendapatan diperluaskan, perbelanjaan awam boleh dilaksanakan secara berkesan untuk mengukuhkan pelaburan dalam kepentingan awam seperti infrastruktur dan perlindungan sosial," tegas Dr Juita Mohamad, Pengarah Unit Ekonomi dan Perniagaan.

Berkenaan dengan reformasi perdagangan, kedua-dua Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) dan Perjanjian Perkongsian Komprehensif dan Progresif Trans-Pasifik (CPTPP) terus dilaksanakan - tiada pembatalan keputusan yang dibuat, sementara perundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) ASEAN - China untuk merangkumi lebih banyak komitmen seperti perlindungan alam sekitar dan e-dagang telah bermula. Walau bagaimanapun, IDEAS ingin melihat rundingan semula Perjanjian Perdagangan Bebas Kesatuan Eropah (EU) - Malaysia juga dijalankan. Tambahan pula, lebih banyak usaha perlu dilakukan dari segi pelaksanaan dan pembangunan kapasiti untuk memastikan pemain industri tempatan mendapat manfaat daripada peningkatan capaian pasaran. Selain itu, ketelusan yang lebih baik diperlukan dalam pelaporan pelaburan yang dicadangkan berbanding pelaburan sebenar kepada orang awam, pemain industri, dan pihak pengawalseliaan, kerana hal ini akan mengurangkan ketidakseimbangan maklumat dan dapat meningkatkan kecekapan pelaburan dalam jangka panjang," tambah Dr Juita.

Tahun 2024 akan membawa cabaran yang lebih besar kepada Malaysia, ketika kita bergelut dengan kemungkinan perubahan besar di peringkat global, dengan Indonesia, India, dan Amerika Syarikat - negara demokrasi terbesar di dunia - akan menghadapi pilihan raya. Prospek konflik yang meningkat di Timur Tengah, dan perang perdagangan AS - China yang sedang berlangsung juga tidak memberikan harapan yang baik. Malaysia perlu bersedia dengan mengukuhkan daya tahan demokrasi, ekonomi, dan iklim pelaburan negara.

--- TAMAT ---

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Aira Azhari

Pengurus Kanan

aira@ideas.org.my

Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bukan berasaskan keuntungan, mengkhususkan kepada mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam, menumpukan kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang berdaya saing, memastikan keyakinan dalam institusi, dan mempromosikan sebuah negara Malaysia yang merangkumi semua. IDEAS merupakan badan pemikir bebas pertama Malaysia, tanpa kepentingan peribadi serta pengaruh berpihak. Untuk maklumat lanjut, lawati www.ideas.org.my.